

ANALISIS PANDANGAN ULAMA YANG MENERIMA DAN MENOLAK TAFSIRAN AYAT AL-QURAN MENGGUNAKAN METODOLOGI ISHARI

ANALYSIS OF THE VIEWS OF SCHOLARS WHO ACCEPT AND REJECT THE INTERPRETATION OF QUR'ANIC VERSES USING ISHARI METHODOLOGY

Siti Nora'Aeshah Binti Zakaria¹ & Mohamad Hilmi bin Mat Said²

¹Penulis merupakan pensyarah Jabatan Quran dan Sunnah, KUIPSAS dan pelajar peringkat Doktor Falsafah Universiti Malaysia Pahang.

Email: aeshah@kuipsas.edu.my

²Pensyarah merupakan pensyarah di Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang.

Email: hilmi@ump.edu.my

Article history

Received date : 1-09-2021
Revised date : 5-09-2021
Accepted date : 1-10-2021
Published date : 1-11-2021

To cite this document:

Zakaria, S. N., & Mat Said, M. H. (2021). Analisis Pandangan Ulama Yang Menerima Dan Menolak Tafsiran Ayat Al-Quran Menggunakan Metodologi Ishari. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(41), 42 - 54.

Abstrak: *Pentafsiran secara Ishari bermaksud tafsiran ayat al-Quran menggunakan metodologi secara simbolik atau tersirat. Pentafsiran yang menggunakan metodologi Ishari banyak dimonopoli oleh golongan sufi. Walaubagaimana pun tafsiran ayat-ayat al-Quran yang menggunakan metodologi ini telah menimbulkan polemik dalam kalangan ulama. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pandangan ulama tradisional dan moden tentang keharusan mentafsir ayat al-Quran menggunakan metodologi secara Ishari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan data utamanya diperoleh melalui analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan. Tema-tema penting bagi menjawab persoalan bagi kajian ini telah dikenalpasti melalui kaedah pengkodan. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga pendapat ulama tentang keharusan menggunakan metodologi tafsir secara Ishari. Pertama, golongan ulama yang tidak membenarkan pentafsiran ayat al-Quran menggunakan metodologi Ishari malahan menyenaraikannya sebagai salah satu tafsir yang menyeleweng. Kedua, golongan yang mengharuskan sepenuhnya dan golongan yang ketiga adalah golongan yang membenarkan namun mestilah menepati syarat-syarat yang telah digariskan. Berdasarkan kepada ketiga-tiga pendapat ini, penulis memilih pendapat ketiga sebagai pendapat yang paling tepat dan teliti serta mampu mengelakkan daripada pentafsiran al-Quran secara menyeleweng. Dengan syarat yang dikenakan, ulama mampu membendung kemunculan-kemunculan tafsir yang batil secara berleluasa,*

Kata Kunci: *metodologi tafsir, Ishari, pentafsiran simbolik, tafsir sufi.*

Abstract: *Ishari interpretation means exegesis the verses of the Qur'an using a symbolic or implicit methodology. Interpretations that use the Ishari methodology are largely monopolized by Sufis. However, the exegesis of Qur'anic verses using this methodology has caused polemic controversy among scholars. Thus, this study aims to analyze the views of traditional and modern scholars on the necessity of reciting the verses of the Qur'an using Ishari methodology. This study uses a qualitative approach with the main data obtained through document analysis. Data were analyzed using a content analysis approach. Important themes for answering the questions for this study have been identified through coding methods. The results show that there are three scholars' opinions on the necessity of using Ishari tafsir methodology. First, the scholars who do not allow the interpretations of Qur'anic verses use the Ishari methodology and even mention it as one of the deviant interpretations. Second, the group that allows completely and the third group is the group that allows based on the conditions that have been outlined.*

Keywords: *tafsir methodology, Ishari, symbolic interpretation, Sufi tafsir.*

Pendahuluan

Secara umumnya ilmu tafsir terbahagi kepada tiga kategori iaitu *Tafsir bi al-Ma'thur*¹, *Tafsir bi al-Ra'yi*² dan *Tafsir bi al-Ishari*. Semua kategori ini diklasifikasikan mengikut bentuk sumber yang digunakan oleh pentafsir dalam mentafsir ayat al-Quran. Jenis sumber juga akan menentukan keharusan dan ketidakharusan sesuatu metode itu diaplikasikan. *Tafsir bi al-Ma'thur* adalah bentuk tafsir yang diterima secara keseluruhannya oleh semua ulama tafsir. Antara tokoh yang terkenal dengan pentafsiran ayat al-Quran secara *Ma'thur* adalah Ibnu Jarir Al-Tabari, al-Suyuthi dan Ibnu Kathir. Manakala *Tafsir bi al-Ra'yi* pula bergantung kepada jenisnya. Sekiranya *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mahmud*, sebahagian besar ulama tafsir mengharuskannya begitulah sebaliknya kepada *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mazmum*, sudah pasti semua ulama tafsir mengharamkan penggunaan dan rujukan terhadapnya (Al-Dhahabi, 1976). Antara tokoh yang terkenal dengan pentafsiran ayat al-Quran secara *Ra'yi bi al-Mahmud* adalah al-Baidhawi, al-Syaukani dan Ibnu Ashur. Pengarang karya *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mazmum*

¹ *Tafsir bi al-Maathur* ialah sumber penafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang dibuat menggunakan penjelasan dari ayat al-Qur'an, hadith-hadith rasul s.a.w. yang sahih dan riwayat para sahabat r.a (*athar*) atau dengan sesuatu yang dikatakan oleh tabiin besar kerana mereka menerima perkara tersebut daripada sahabat atau sesetengah ulama memasukkan pendapat ahli kitab yang *thiqah* juga boleh diterima dan melihat melalui makna dari sudut bahasa Arab.

² *Tafsir bi al-Ra'yi* terbahagi kepada dua iaitu *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mahmud* dan *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mazmum*. *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mahmud* ialah tafsir ulama yang berlandaskan ilmu pengetahuan yang mantap dalam bahasa Arab, kaedah perundangan dan asas-asas agama termasuk ilmu usul fiqh, ilmu hadith dan sebagainya. Ia juga tidak bertentangan dengan sumber yang sahih, akal yang sejahtera, ilmu yang pasti dan berusaha keras untuk mencari kebenaran, membersihkan diri daripada hawa nafsu serta mengingati Allah terhadap apa yang diperkatakan. Manakala *Tafsir bi al-Ra'yi al-Mazmum* pula ialah Pentafsiran yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak berkelayakan untuk mentafsir ayat-ayat al-Qur'an atau dengan menyokong mazhab yang sesat. Tafsir jenis ini berdasarkan sumber yang palsu atau meragukan dan tidak mempunyai asas yang jelas.

yang terkenal pula antaranya adalah Abu Hasan Abd al-Jabbar³, Maula Abd al-Latif al-Kazarani⁴ dan Muhammad bin Yusuf⁵.

Hal ini berbeza dengan *Tafsir bi al-Ishari*. Terdapat pelbagai pandangan ulama yang membahaskan keharusan dan ketidakharusan menggunakan kategori *Ishari* ini memandangkan cara yang digunakan oleh pentafsirnya untuk mentafsir ayat al-Quran adalah secara tersirat dan melalui firasat ulama yang mentafsirnya.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas menunjukkan kajian berkaitan status penerimaan *Tafsir bi al-Ishari* masih kurang dan tidak popular dalam kalangan pengkaji Malaysia. Antara ulama yang mengkategorikan *Tafsir bi al-Ishari* sebagai tafsir yang menyeleweng adalah Al-Dhahabi (2006) dan Faudah (1987). Ada juga pengkaji yang membahaskan statusnya secara seimbang dengan meletakkan punca penolakan dan penerimaan. Antara pengkajinya adalah Qays Abdullah (2014), Hashim (2010), Rushdi Ramli (2008) dan Abd Wahid (2010). Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis pandangan ulama yang menilai status tafsir ini untuk dijadikan sebahagian daripada sumber tafsir al-Qur'an.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu mengumpulkan dan menganalisis data-data dan kandungan. Tema-tema penting telah dikenalpasti melalui kaedah pengkodan. Melalui proses pengkodan, pengkaji akan menilai pandangan ulama yang menolak, menerima dan pandangan yang menerima dengan syarat. Data akan dianalisis seterusnya membuat kesimpulan untuk menjelaskan kedudukan *Tafsir bi al-Ishari* sebagai sumber tafsir.

Kajian Literatur

Isu berkaitan *Tafsir bi al-Ishari* telah dikaji oleh beberapa sarjana dengan empat bentuk kajian. Pertamanya berkaitan *Tafsir bi al-Ishari* secara umum, kedua tentang konsep-konsep yang terdapat di dalamnya secara terperinci, ketiga sumbangan tokoh pentafsir yang menggunakan metodologi ini dan yang keempat adalah berkenaan status tafsir ini. Antara pengkaji yang membahaskan tentang *Tafsir bi al-Ishari* secara umum adalah Yusoff (2010), Riyanto, (2014), Hashim et al., (2016) dan Syatori (2020). Kebanyakan daripada mereka menghurai pada aspek definisi, contoh dan karya-karya *Tafsir bi al-Ishari*. Golongan pengkaji kedua pula membahaskan tentang konsep yang terdapat dalam *Tafsir bi al-Ishari*. Antara aspek yang disentuh adalah tauhid menurut tokoh *Tafsir bi al-Ishari* seperti kajian Mohd Nor et al., (2020) dan kajian Laili (2020). kajian Rohman & Anam, (2020). Ketiga, kajian yang membahaskan tentang sumbangan tokoh-tokoh *Tafsir bi al-Ishari* atau sufi dengan merujuk kepada metodologi ulama-ulama tertentu seperti Qusyayri, Ibnu Arabi, Alusi, Abdul Qadir al-Jilani, Shaikh Ahmad al-Alawi, Mula Sadra, KH. Shalih. Antara pengkajinya adalah Kerwanto (2019), Haq (2019), Abshor (2019), Mufid (2020) dan ramai lagi. Golongan pengkaji keempat adalah pengkaji yang membahaskan tentang status *Tafsir bi al-Ishari* sebagai sumber tafsir. Terdapat sebilangan ulama menyenaraikannya sebagai tafsir yang menyeleweng seperti Al-Dhahabi

³Abu Hasan Abd al-Jabbar adalah penyokong fahaman Muktazilah yang berpendapat Allah tidak mempunyai sifat. Dalam karyanya, beliau ada memperlekeh kewujudan Arasy dan Kursiy serta mempertikai sifat-sifat Allah SWT.

⁴ Maula Abd al-Latif al-Kazarani adalah penganut Syiah. Dalam tafsirnya ada beberapa penyelewengan berkaitan akidah dan akhlak telah ditemui.

⁵ Muhammad bin Yusuf adalah seorang penganut fahaman Kahawarij. Banyak ayat yang keras ditafsir secara zahir tanpa meraikan khilaf yang terdapat padanya.

(2006). Ada juga yang membahaskan statusnya secara seimbang dengan meletakkan punca penolakan dan penerimaan. Antara pengkajinya adalah Qays Abdullah (2014), Hashim (2010), Rushdi Ramli (2008) dan Abd Wahid (2010). Secara keseluruhannya, isu berkaitan kedudukan *Tafsir bi al-Ishari* sebagai sumber tafsir masih kurang dibahaskan secara terperinci. Oleh itu, kajian untuk menjelaskan kedudukan sebenar *Tafsir bi al-Ishari* secara ilmiah perlu diusahakan.

Definisi *Tafsir bi al-Ishari*

Perkataan '*Ishari*' berasal daripada kata kerja '*asyara*'. Manakala perkataan '*isyarah*' adalah kata terbitan daripada kata kerja '*asyara*' yang bermaksud tunjuk atau isyarat. Perkataan 'إشارة' menurut kamus Mu'jam al-Asasi al-Arabiyy bermakna lambang, simbol, kod atau pergerakan untuk menunjukkan sesuatu perkara (Ahmad al-Abid et. Al, 2003). Dalam kamus Mu'jam al-Wasit pula menyebut 'إشارة' bermaksud menentukan dengan sesuatu melalui isyarat tangan dan seumpama dengannya (Ibrahim Anis et. al, 1972). Manakala dari segi istilah kebanyakan ulama mendefinisikan *Tafsir bi al-Ishari* sebagai cara mentakwil ayat secara tersirat atau makna.

Mahmud Basuni Faudah (1987) menyebut, *Tafsir bi al-Ishari* adalah pentakwilan ayat-ayat al-Quran al-Karim dengan pentakwilan yang menyalahi ketentuan-ketentuan pada maksud zahir ayat, kerana ingin mengutamakan isyarat-isyarat tersembunyi yang diperolehi oleh mufassir beraliran sufi tersebut setelah melakukan pelbagai bentuk amalan kerohanian dengan Allah SWT. Al-Dhahabi (1976) pula mengistilahkan tafsir *ishari* sebagai suatu usaha untuk menerangkan kandungan al-Quran dengan cara pentakwilan yang selari dengan isyarat yang tersirat di sebalik yang tersurat, dengan meraikan maksud ayat yang zahir.

Menurut Muhammad 'Ali al-Sabuni pula, "*Tafsir bi al-Ishari* adalah bentuk tafsir ayat al-Quran yang berbeza dengan makna zahirnya menggunakan isyarat-isyarat yang tersembunyi oleh sesetengah ulama. Oleh itu, ahli-ahli sufi mengaitkan sesuatu dengan sesuatu yang lain untuk mengetahui dan memahami dengan jiwa melalui nur yang diberikan oleh Allah SWT pada pandangan mereka. Maka rahsia-rahsia al-Quran akan difahami dengan lebih mendalam pada sesetengah makna dengan cara melalui ilham daripada Ilahi dan anugerah Rabbani (Syalabi, 1964).

Menurut Mana' Khalil Al-Qattan (2005), beliau mendefinisikan *Tafsir bi al-Ishari* sebagai setiap ayat yang mempunyai makna zahir dan batin iaitu tersembunyi. Makna zahir bermaksud semua kehendak ayat dapat difahami dengan mudah oleh akal yang fikiran, manakala makna batin adalah mesej-mesej yang tersembunyi dan berada di sebalik makna zahir yang hanya akan dapat dilihat oleh golongan tertentu sahaja. Golongan tersebut biasanya terdiri daripada ahli *suluk*.

Kesimpulannya, *Tafsir bi al-Ishari* ditakrifkan oleh sebahagian ulama sebagai ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan secara berlawanan dengan zahir tanpa mengenyakan yang batin dengan anugerah yang diberikan oleh Allah kepada sesetengah golongan sufi melalui ilham.

Kumpulan Ahli *Tafsir bi al-Ishari*

Yusoff (2010) menyenaraikan lima kumpulan ahli tafsir secara keseluruhannya. Daripada lima kumpulan tersebut empat daripadanya adalah kumpulan ahli *Tafsir bi al-Ishari*. Empat kumpulan tersebut adalah seperti berikut:

1. Kumpulan yang mendahulukan tafsir secara zahir, namun ada menambah dalam pentafsiran mereka sebahagian kecil walaupun sekali sahaja pentafsiran menggunakan metodologi secara *Ishari*. Tafsir sebegini boleh dirujuk kepada kitab Tafsir al-Naysaburi dan al-Alusi.
2. Kumpulan yang mengutamakan *Tafsir bi al-Ishari* secara keseluruhannya namun menghurai juga beberapa ayat dengan maksud zahir. Corak pentafsiran sebegini boleh dilihat melalui kitab Tafsir al-Tustari.
3. Kumpulan yang tidak menyentuh walau sedikitpun tafsiran ayat secara zahir, hanya mentafsir menggunakan metodologi *Ishari* sahaja. Al-Sulami antara ulama yang termasuk dalam kumpulan ketiga ini.
4. Kumpulan yang menggabungkan antara dua bentuk tafsir iaitu *Tafsir bi al-Ishari* dengan *Tafsir bi al-Nazari*⁶. Tafsir ini mengeneipkan secara langsung pentafsiran secara zahir. Dengan nama lain, tafsir ini disebut tafsir sufi. Antara ulama yang tergolong dalam kumpulan ini adalah Ibnu Arabi.

Ahli *Tafsir bi al-Ishari*

Berikut adalah antara ahli *Tafsir bi al-Ishari* yang dinukil oleh Muhammad Sa'id Athiah 'Aram (2004) dan Al-Dhahabi (1976) serta beberapa lagi yang ditemui penulis melalui karya-karya yang lain:

1. Abu Muhammad Sahl bin Abdullah al-Tustari (W283H)
2. Muhammad bin Hussin bin al-Asad al-Sulami (W412H)
3. Abd al-Karim bin Hawazin al-Qusyayri (W465H)
4. Muhammad bin Muhammad al-Ghzali al-Tusi al-Syafi'I (W505H)
5. Mahy al-Din Abd al-Qadir al-Jilani (W561H)
6. Abu Muhammad al-Syirazi al-Sufi (W606H)
7. Mahy al-Din Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Abd Allah al-Hatimi al-Tho'i al-Andalusiy, dikenali dengan gelaran Ibnu Arabi (W638H)
8. Iz al-Din al-Ras'ani (W661)
9. Najm al-Din Dayah (W654H)
10. Ala al-Dawlah al-Simnani (W763H)
11. Nizam al-Din al-Hassan bin Muhammad bin Husin al-Qummi al-Naysaburi (W728H)
12. Abu al-Razzaq al-Qasyani (W730H)
13. Burhan al-Din al-Baqai' (W885H)
14. Ahmad Ibnu Ajibah (W1224H)
15. Syihab al-Din al-Alusiy (W1270)

⁶ *Tafsir bi al-Nazari* bermaksud pentafsiran ayat al-Quran menggunakan pemikiran secara sufi. Maka, setiap ayat akan berkiblatkan pemikiran dan cara hidup golongan sufi. Perbezaannya dengan *Tafsir bi al-Ishari* adalah *Tafsir bi al-Ishari* hanya mencari makna tersirat di sebalik yang tersurat tanpa mengeneipkan makna zahir, tetapi *Tafsir bi al-Nazari* mengutamakan makna batin dan meninggalkan makna zahir (Al-Dhahabi, 2006).

Karya-karya *Tafsir bi al-Ishari*

Berikut adalah karya tafsir yang termasuk dalam kategori *Ishari*:

1. *Tafsir Al-Qur'an al-'Azim*,
2. *Lata'if al-Isyarat (Tafsir Sufi Kamil li al-Qur'an al-Karim)*,
3. *Tafsir Ibn 'Arabi*,
4. *Ghara'ib al-Qur'an wa Ragha'ib al-Furqan*,
5. *Tafsir Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa al-Sab'i al-Mathani*,
6. *Haqa'iq al-Tafsir*,
7. *'Arais al-Bayan fi Haqa'iq al-Qur'an*,
8. *Al-Takwilat al-Najmiyyah*
9. *Tafsir al-Mansub li ibn 'Arabi (Tawilat al-Qasyani)*
10. *Nuzum al-Durur fi Tanasib al-Ayat wa al-Suwar*
11. *Bahr al-Madid fi Tafsir al-Quran al-Majid*
12. *Ruh al-Maani fi Tafsir al-Quran al-Azim wa Sab'a al-Mathani*

Contoh-contoh Tafsir *Ishari*

Beberapa ulama muktabar seperti al-Naysaburi, Ibnu Arabi dan al-Sulami telah menggunakan metodologi pentafsiran secara *Ishari* ketika mentafsir ayat-ayat al-Quran. Berikut adalah beberapa contoh pentafsiran secara *Ishari*:

1. Contoh daripada kitab tafsir al-Naysaburi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ١

Maksudnya:

“Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.”

(Quran, 2013, 1:1)

Al-Naysaburi mentafsirkan ayat Basmalah ini dengan katanya, “kepada Allah yang Maha Mulia yang lebih disukai dalam keunggulan al-Qur'an (Al-Naysaburi, 1996).”

2. Contoh dari Al-Sulami lagi:

وَهُوَ الَّذِي مَدَّ الْأَرْضَ وَجَعَلَ فِيهَا رِوْسِي وَأَنْهَرًا وَمِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ جَعَلَ فِيهَا رِوَجِينَ
أَنْثِينَ يُغَشِّي اللَّيْلَ النَّهَارَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ٣

Maksudnya:

“Dan Dialah yang menjadikan bumi terbentang luas dan menjadikan padanya gunung-ganang (terdiri kukuh) serta sungai-sungai (yang mengalir) dan dari tiap-tiap jenis buah-buahan, Dia jadikan padanya pasangan: Dua-dua. Dia juga melindungi siang dengan malam silih berganti. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang (mahu) berfikir.”

(Quran, 2013, 13:3)

Al-Sulami (2001) menjelaskan “Dialah Allah yang menghamparkan bumi dan menjadikan padanya “اوتاد” pasak-pasak daripada wali-Nya, dan “سادة” pemimpin dan hamba-hamba-Nya. Kerana merekalah hendaknya mencari perlindungan dan dengan perantaraan mereka keselamatan akan dicapai. Siapa yang melakukan perjalanan mencari mereka, ia akan

beruntung dan selamat. Sebaliknya siapa yang mencari selain selain daripada mereka, maka ia akan menyesal dan rugi.

3. Contoh dari Tafsir Ibnu ‘Arabi

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَذْبَحُوا بَقْرَةً قَالُوا أَتَتَّخِذُنَا هُزُؤًا قَالَ أَعُوذُ
بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ ٦٧

Maksudnya:

“Dan (ingatlah), ketika Musa berkata kepada kaumnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyembelih seekor sapi betina". Mereka berkata: "Apakah kamu hendak menjadikan kami buah ejekan?" Musa menjawab: "Aku berlindung kepada Allah agar tidak menjadi salah seorang dari orang-orang yang jahil".

(Quran, 2013, 2:67)

Ibnu ‘Arabi sebagaimana Al-Naysaburi turut menafsirkan ‘lembu betina’ sebagai nafsu haiwan. Ditambah lagi oleh beliau, menyembelih hawa nafsu yang hidup dan nafsu yang membesar dalam diri (Al-Zarqani, 1988). Tafsiran Ibnu Arabi ini berbeza dari makna yang zahir iaitu berkenaan menyembelih lembu betina kepada makna isyarat iaitu menyembelih nafsu haiwan yang akan menjadi punca manusia dicampakkan ke dalam neraka. Nafsu diumpamakan sebagai lembu betina kerana sifat haiwan yang tidak mempunyai akal itu akan menjadikan pemilikinya melakukan sesuatu tindakan tanpa berfikir terlebih dahulu.

Perbezaan Tafsir-tafsir yang lain dengan Tafsir bi al-Ishari

Berikut adalah sedikit huraian yang akan menjelaskan perbezaan kecil antara *Tafsir bi al-Ra'yi*, *Tafsir al-Sufi al-Nadhari* dan *Tafsir al-Batini* dengan *Tafsir bi al-Ishari*.

1. Perbezaan *Tafsir bi al-Ra'yi* dengan *Tafsir bi al-Ishari* adalah pada cara mentafsir makna ayat. *Tafsir bi al-Ra'yi* mentafsir secara tersurat manakala *Tafsir bi al-Ishari* mentafsir secara tersirat. Tafsir bi al-Ra'yi menggunakan akal untuk mentafsir, manakala Tafsir bi al-Ishari menggunakan firasat daripada hati yang dalam untuk mentafsir.
2. Perbezaan *Tafsir al-Sufi al-Nadhari* dengan Tafsir bi al-Ishari pula adalah pada pengutamaannya. Tafsir al-Sufi al-Nadhari mengutamakan makna zahir tetapi mengaitkannya dengan hal-hal kesufian. Adapun *Tafsir bi al-Ishari* mengutamakan makna tersirat di sebalik tersurat tanpa mengeneipkan makna zahir.
3. Perbezaan Tafsir al-Batini dengan Tafsir bi al-Ishari adalah pada prinsipnya. Tafsir al-Batini mengeneipkan makna zahir dan setengahnya hanya mengiktiraf makna batin. Prinsip ini boleh membawa kepada penyelewengan kerana al-Quran itu mempunyai makna zahir dan batin. Berbeza dengan Tafsir bi al-Ishari, prinsipnya walaupun mengutamakan maksud yang tersirat berbanding tersirat namun, maksud zahir tidak dipinggirkan. Pentafsirnya masih mengutamakan dan mengakui makna zahir pada ayat yang disyarah.

Syarat-syarat Penerimaan *Tafsir bi al-Ishari*

Kedudukan *Tafsir bi al-Ishari* adalah berbeza-beza dalam kalangan ahli tafsir. Sebahagian ulama menerimanya sebagai ilmu tafsir yang *maqbul* dan sebahagian lagi menolaknya. Bagi sebahagian ulama yang lain pula menerima *Tafsir bi al-Ishari* namun, menetapkan syarat

tertentu. Oleh itu, tafsir *Ishari* pada pandangan Al-Dhahabi (2006), hanya akan diterima sekiranya pentafsiran tersebut memenuhi syarat-syarat seperti berikut :

1. Tidak boleh bertentangan dengan makna zahir dari susunan kalimat ayat-ayat al-Qur'an. Maksudnya pentafsiran tidak boleh bercanggah dengan makna ayat secara zahir.
2. Tidak bertentangan dengan syara' mahupun akal. Kebanyakan pentafsiran secara ahli Sufi tidak ada yang bercanggah dengan syara' mahupun akal termasuklah Tafsir Ibnu Arabi walaupun menggunakan sepenuhnya pentafsiran secara *Ishari*.
3. Penafsirannya mestilah tidak mengakui bahawa hanya penafsirannya (batin) itulah yang dikehendaki Allah, bukan pengertian tekstual ayat terlebih dahulu. Membenarkan makna yang asal adalah satu kewajipan kerana yang tersurat akan datang terlebih dahulu berbanding tersirat.
4. Tidak mengandungi penyelewengan-penyelewengan dari susunan kalimat lafaz-lafaz al-Qur'an. Penyelewengan yang dimaksudkan adalah perbezaan yang bercanggah daripada makna asal.
5. Tidak mengakibatkan kekacauan dan kekeliruan dalam pemahaman dari tafsir tersebut. Syarat ini jarang disertakan oleh ulama dalam tulisan mereka tentang *Tafsir bi al-Ishari*.

Kriteria Tafsir bi al-Ishari

Ibnu Ashur (2000) telah menetapkan beberapa kriteria untuk mengenal pasti bentuk tafsir tersebut adalah *Tafsir bi al-Ishari* iaitu:

1. Pentafsiran Secara Perumpamaan
Pentafsiran secara perumpamaan adalah dengan cara memberi persamaan antara satu perkara daripada al-Quran dengan satu perkara yang benar-benar berbeza daripada alam nyata. Sebagai contoh al-Sulami yang mengumpamakan burung hud-hud yang disebut dalam kebanyakan ayat berkaitan Nabi Sulaiman AS sebagai bisikan hati baginda sendiri. (Al-Sulami, 2001)
2. Pentafsiran Secara Makna Tersirat
Pentafsiran secara makna tersirat bermaksud mengulas dengan maksud yang tersembunyi berbanding makna asal. Pentafsiran menggunakan metodologi seperti ini boleh dilihat contohnya pada pentafsiran Ibnu Abbas apabila ditanya oleh Saidina Umar bin al-Khattab AS tentang tafsiran surah al-Nasr. Beliau mentafsir makna kemenangan menakluk kota Mekah itu dengan hampirnya waktu Rasulullah SAW akan meninggalkan umat Islam pada masa itu. Dengan maksud yang lebih jelas, penurunan ayat itu menunjukkan, dakwah Rasulullah SAW akan berakhir dan baginda akan wafat tidak lama lagi. (Al-Dhahabi, 1976)
3. Pentafsiran Secara Mengambil Pengajaran
Pentafsiran secara mengambil pengajaran juga termasuk dalam bahagian *Tafsir bi al-Ishari*. Ulama juga memberi kesimpulan secara khusus terhadap ayat yang umum. Sebagai contoh Ibnu Arabi mentafsirkan makna taat pada ayat 80 dalam surah al-Nisa' bermaksud ketaatan adalah melakukan semua perkara termasuk bercakap tidak dengan yang lain, melainkan kerana Allah, dengan Allah dan bersama Allah. (Arabi, 1971)
4. Pentafsiran Secara Menghurai Makna Zahir
Pentafsiran secara menghurai makna zahir ini adalah metode biasa yang digunakan oleh ulama *Tafsir bil al-Ra'yi*. Al-Tustari mentafsir maksud perkataan “هدى” yang bermaksud petunjuk pada zahir tetapi disyarah dengan makna cahaya yang benar yang dicampakkan oleh Allah SWT ke dalam hati seseorang. Apabila seseorang itu

dikurniakan hidayah, maka akan tenang dan bahagialaha hatinya dengan petunjuk tersebut seterusnya mereka akan menjadi orang-orang yang berjaya. (Al-Tustari, 2002)

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan analisis dokumen, pengkaji melihat terdapat pelbagai reaksi ulama dalam menjelaskan keharusan menggunakan metodologi pentafsiran secara *Ishari*. Perbincangan mengenai keharusan menggunakan metodologi ini telah menimbulkan tiga aliran pemikiran iaitu, aliran yang menolak, aliran yang menerima sepenuhnya dan aliran yang menerima secara bersyarat.

Aliran pertama adalah kumpulan ulama yang menolak penggunaan *Tafsir bi al-Ishari*. Aliran ulama ini mempunyai beberapa pandangan tentang status kedudukan pentafsiran ayat al-Quran yang menggunakan metodologi secara *Ishari* sebagai kafir. Contohnya Ibnu solah dalam fatwanya yang menjawab pertanyaan tentang status kitab Tafsir al-Sulami. Beliau mengatakan bahawa jika ada orang yang berkeyakinan bahawa kitab itu adalah kitab stafsir, sesungguhnya dia telah kafir (Al-Dhahabi, 2006).

Sebahagian ulama yang menolak juga berpandangan pentafsiran secara *Ishari* adalah tafsir yang menyimpang daripada tafsir yang benar. Hal ini dapat dilihat melalui pandangan Al-Dhahabi (2006) yang menyatakan,

“ketika menelaah kitab-kitab tafsir kaum sufi, kita akan melihat di dalamnya terdapat penyimpangan-penyimpangan dalam pentafsiran al-Quran. Tafsir Sufi pada umumnya telah menyimpangkan makna al-Quran dari maksud dan tujuan yang dikehendaki sebenarnya. Al-Quran dengan nas-nas dan ayat-ayatnya mempunyai maksud-maksud tertentu, tetapi orang-orang sufi menyimpangkannya kepada maksud-maksud lain sesuai dengan pandangan-pandangan dan ajaran-ajaran mereka.”

Beliau memberi contoh antara *Tafsir bi al-Ishari* yang menyimpang daripada maksud zahir adalah seperti Tafsir Ibnu `Arabi, Abu Yazid al-Bustami dan al-Halaj yang cenderung menafsirkan ayat-ayat al-Quran mengikut fahaman *Wahdah al-Wujud*, demikian juga Abu Yazid al-Busthami, al-Hallaj dan lain-lainnya.. ”

Dalam kenyataan yang lain Muhammad Hussain al-Dhahabi (2006) telah menyenaraikan *Tafsir bi al-Ishari* sebagai tafsir yang menyeleweng. Beliau menyatakan:

“Gambaran ini (Tafsir bi al-Ishari) berlaku pada tafsiran-tafsiran sesetengah ahli sufi yang mentafsirkan al-Quran dengan makna-makna isyarat yang betul dari segi kandungannya sendiri, namun di samping itu, mereka mengatakan bahawa makna-makna yang zahir itu bukanlah yang dikehendaki. Penafsiran oleh mereka adalah hampir kepada penafsiran kumpulan Batiniyah.”

Terdapat juga ulama yang tidak mengiktiraf pentafsiran ayat al-Quran yang menggunakan metodologi secara *Ishari* sebagai tafsir. Sebagai contoh Al-Zarqani (1988) dalam kitabnya al-Burhan menyebut kata-kata golongan sufi dalam mentafsirkan al-Qur`an itu bukanlah bererti tafsir tetapi hanyalah merupakan ilustrasi yang mereka peroleh ketika membaca suatu ayat.

Aliran kedua pula adalah ulama-ulama yang berpandangan harus menggunakan *Tafsir bi al-Ishari* secara sepenuhnya. Ulama-ulama yang mengharuskan pentafsiran ayat al-Quran secara

Ishari berpendapat metode pentafsiran ini selari dengan al-Quran dan Sunnah. Hal ini menunjukkan, *Tafsir bi al-Ishari* adalah tidak menyeleweng daripada makna asal ayat al-Quran. Sebagai contoh Ibnu `Atha yang berpendapat bahawa *Tafsir bi al-Ishari* adalah salah satu metodologi tafsir yang menjelaskan Kalam Allah dan Kalam Rasul dengan makna-makna tersirat. Tafsir yang menggunakan metodologi ini bukanlah suatu penyelewengan daripada makna asal, kerana zahir ayat itu dapat difahami makna sebenarnya seperti juga dapat diketahui dari istilah bahasa serta pengertian yang tersirat di dalamnya (Al-Suyuti, 2011).”

Begitu juga pendapat Abu Nasr al-Siraj al-Tusi yang mengatakan bahawa *Tafsir bi al-Ishari* ialah suatu bentuk metode pentafsiran yang selari selari dengan pandangan majoriti ahli ilmu dan tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah secara keseluruhannya sama ada dari sudut zahir dan batin. Ia merupakan suatu ilmu berbentuk simbolik yang Allah kurniakan kepada hati-hati yang suci untuk memahami maksud di sebalik ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW (Al-Dhahabi, 1976).

Ada juga ulama yang berpendapat *Tafsir bi al-Ishari* adalah tafsir yang tidak menolak makna zahir. Hal ini boleh dilihat melalui pandangan Syeikh Ibn Athaillah al-Sakandari yang berpendapat pentafsiran golongan ini terhadap firman Allah dan sabda Rasulullah adalah dengan mendatangkan makna-makna yang sesuai dengan bahasa Arab dan tidak menolak makna zahirnya. Makna batin pada ayat dan hadis itu difahami oleh orang yang dibukakan hatinya oleh Allah (Al-Dhahabi, 1976).”

Aliran ketiga pula adalah aliran yang mengharuskan namun mestilah menepati syarat-syarat yang telah digariskan oleh ulama tafsir. Beberapa ulama meletakkan syarat penerimaan *Tafsir bi al-Ishari* adalah bergantung kepada pentafsir itu sendiri. Selagimana pentafsir tersebut tidak memutuskan hanya tafsirnya yang benar, maka karyanya tidaklah dikira menyeleweng. Sebagai contoh pandangan Al-Suyuti (2011) yang memberi jawapan sekiranya dikatakan *Tafsir bi al-Ishari* adalah menyeleweng, beliau menyarankan kita menjawab, tafsir sebegini bukanlah menyeleweng kecuali jika pentafsirnya mengatakan hanya tafsirnya yang benar. Selagi pentafsirnya mengatakan hanya tafsirnya sahaja yang benar, dan Allah sahaja menetapkan makna zahirnya, maka ia diterima kerana mereka mendapat ilham daripada Allah ketika mentafsirnya secara *ishari*.

Pandangan ini disokong oleh Al-Ghazali (1996) yang mengatakan, “*Tafsir bi al-Ishari* bukanlah seperti Tafsir Batiniyah sebagaimana yang digambarkan oleh sebahagian orang yang menolaknya. *Tafsir bi al-Ishari* ialah satu pentafsiran yang dilakukan oleh orang-orang sufi dengan cara membuka isyarat-isyarat al-Quran melalui latihan-latihan tertentu. *Tafsir bi al-Ishari* dapat diterima ketika telah memenuhi syarat-syarat tertentu, antara syarat pentingnya adalah seorang sufi yang akan mentafsirkan secara *ishari* mestilah terlebih dahulu memahami dengan baik tafsiran-ayat-ayat al-Qur’an secara zahir.

Sebahagian ulama yang lain pula menetapkan *Tafsir bi al-Ishari* akan diterima sekiranya menepati semua syarat yang telah digariskan oleh ulama. Antaranya adalah pandangan Al-Zarqani, (1988) yang menyebut, sekiranya lima syarat iaitu pentafsirannya itu tidak bertentangan dengan makna zahir al-Quran, tidak mendakwa bahawa makna batin itu sahaja yang dimaksudkan oleh ayat, serta tidak menafikan makna zahir bagi ayat, pentakwilannya tidak terlalu jauh daripada makna asal, pentafsirannya itu juga tidak bercanggah dengan hukum

syarak atau akal, terdapat dalil daripada syarak yang menyokongnya, maka tafsir mufassir sufi itu dapat diterima.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga aliran ulama di atas, pengkaji melihat aliran pertama yang menolak keharusan *Tafsir bi al-Ishari* adalah pandangan yang tertolak. Ini kerana terdapat kitab *Tafsir bi al-Ishari* yang muktabar dan menjadi rujukan masyarakat hingga ke hari ini seperti kitab tafsir al-Alusi, al-Syaukani, al-Qusyayri dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga kitab yang menggunakan metodologi *Tafsir bi al-Ma'thur* yang telah merujuk karya-karya *Tafsir bi al-Ishari* seperti Kitab Tafsir al-Qurtubi. Pandangan yang kedua pula adalah pandangan yang terlalu ringan. Keharusan menggunakan *Tafsir bi al-Ishari* tanpa syarat boleh menjadikan aliran yang menyeleweng mengambil kesempatan seperti yang berlaku kepada golongan Batiniyyah yang mentafsir secara batin dan mengikut kehendak diri dan aliran yang mereka dokongi. Aliran ketiga adalah pandangan ulama yang mengharuskan penggunaan *tafsir bi al-Ishari* namun mestilah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama tafsir. Pandangan ketiga ini adalah pandangan yang paling selamat menurut pengkaji. Ini berdasarkan hujah di atas, sekiranya tidak dikenakan syarat, dibimbangi akan golongan yang menyeleweng menggunakan keharusan tersebut untuk mentafsir dengan cara yang salah. Pandangan pengkaji ini disokong oleh fatwa Mufti Wilayah Persekutuan yang memutuskan *Tafsir bi al-Ishari* boleh diterima sebagai salah satu bentuk penghayatan al-Quran, namun haruslah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh ulama (Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya *Tafsir bi al-Ishari* adalah salah satu khazanah ilmu yang besar sumbangannya terhadap dunia pentafsiran al-Quran dan mendapat perhatian daripada ramai ulama muktabar. Buktinya dapat dilihat daripada lahirnya pelbagai bentuk buku, metodologi dan ulama yang menggunakan metodologi *ishari* dalam pentafsiran. Ulama-ulama besar seperti al-Qusyayri, al-Tustari, Ibn 'Arabi, al-Naysaburi dan ramai lagi berjuang keras dalam memartabatkan *Tafsir bi al-Ishari* dalam pesada ilmu. Ini menunjukkan bahawa *Tafsir bi al-Ishari* adalah salah satu bidang ilmu yang besar dan tidak wajar diketepikan. Berdasarkan kepada hujah yang telah diberikan, pengkaji yakin *Tafsir bi al-Ishari* bukanlah tergolong dalam tafsir yang menyeleweng. Isu yang ditimbulkan hanyalah kerana tafsir tersebut berlainan maknanya daripada makna ayat al-Quran yang zahir. Sedangkan makna yang berbeza bukanlah petunjuk yang tepat untuk mengkategorikan tafsiran ini perlu ditolak dan bersalahan dengan prinsip ilmu. Oleh itu, keberadaan *Tafsir bi al-Ishari* dalam masyarakat yang berilmu perlu dikembangkan. Hal ini kerana *Tafsir bi al-Ishari* dapat mempelbagaikan alternatif dalam memahami dan menghayati al-Quran.

Rujukan

- Abd Wahid. (2010). Tafsir Isyari dalam Pandangan Imam Ghazali. *Jurnal Ushuluddin*, vol XVI no 2. 123-135
- Abshor, M. U. (2019). Penafsiran Sufistik KH. Shalih Darat Terhadap Q.S. Al-Baqarah: 183. *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu Al-Qur'an Dan Hadis*. <https://doi.org/10.14421/qh.2018.1902-05>
- Al-Dhahabi. (2006). *Aliran Yang Menyeleweng Dalam Pentafsiran: Faktor Penolakan (terj)*. Pustaka Ilmi.
- Al-Dhahabi, M. H. (1976). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Dar Ilya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Ghazali. (1996). *Majmu'ah Rasail al-Imam Ghazali*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ahmad al-Abid et. al (2003) *Al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasiy*. Tunisia : Munadhamah al-Arabiyah al-Yhaqafah wa al-Ulum.

- Ibrahim Anis et. al. (1972) *Al-Mu'jam al-Wasit*. Mesir: Dar al-Mukhtar.
- Al-Naysaburi. (1996). *al-Gharaib al-Quran wa Raghaib al-Furqan*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qattan, M. (2005). *Mabahith fi Ulum al-Quran (terj)*. Pustaka al-Kautsar.
- Al-Sulami, A. A. R. (2001). *Haqaiq al-Tafsir*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Suyuti. (2011). *Al-Itqan fi Ulum al-Quran*. CSIC Press.
- Al-Tustari, A. M. S. bin A. A. (2002). *Tafsir al-Tustari*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Zarqani, M. A. al-'Azim. (1988). *Manahil al-'Irfan fi Ulum al-Qur'an*. Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Arabi, I. (1971). *Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Faudah, M. B. (1987). *Tafsir-tafsir al-Quran Perkenalan Dengan Metodologi Tafsir*. PUSTAKA.
- Haq, S. Z. (2019). Hermeneutika Sufistik : Telaah Epistemologi Takwil Ibn 'rabi. *Jurnal At-Tibyan: Jurnal Ilmu Alquran Dan Tafsir*, 4(1), 1–25. <https://doi.org/10.32505/tibyan.v4i1.890>
- Hashim, M. (2010). موقف الشاطبي في التفسير الإشاري. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v5i6.40>
- Hashim, M., Mohamed Yusoff, A., & Obeid, A. R. H. (2016). التفسير الصوفي الإشاري في بداية السالكين:دراسة نقدية في روح البيان للبروسوي. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v11i12.72>
- Ibnu Ashur. (2000). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Muasasah al-Tarikh.
- Kerwanto, K. (2019). Epistemologi Tasfir Mulla Sadra. *Jurnal Theologia*. <https://doi.org/10.21580/teo.2019.30.1.3238>
- Laili, S. N. (2020). Nilai Tauhid yang Terkandung Dalam Kitab al-Hikam Karya Ibnu Athaillah. IAIN Ponorogo.
- Mahmud Basuni Faudah. (1987). *Tafsir-tafsir al-Qur'an Perkenalan Dengan Metodologi Tafsir*. PUSTAKA.
- Mohd Nor, S. B. I. N., Ibrahim, M. B. I. N., & Badruddin, F. B. I. N. (2020). Konsep al-Tauhid al-Suhudi dalam tafsir al-Jilani. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 42(2).
- Mufid, F. (2020). Kritik Epistemologis Tafsir Ishari Ibn 'Arabi. *HERMENEUTIK*. <https://doi.org/10.21043/hermeneutik.v14i1.6837>
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *AL-KAFI #1377: Pandangan Ulama' Terhadap Tafsir Isyari*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3705-al-kafi-1377-pandangan-ulama-terhadap-tafsir-isyari>
- Muhammad Sa'id Athiah 'Aram, H. M. I. B. (2004). *Al-Dur al-Thamin fi Manahiji al-Mufassirin*. Universiti al-Azhar.
- Qays Abdullah, M. (2014). التفسير الإشاري بين الروعة والبدعة. *Journal of Divinity Faculty of Hitit University*.
- Riyanto, W. F. (2014). Antisyonimitas Tafsir Sufi Kontemporer. *Epistemé: Jurnal Pengembangan Ilmu Keislaman*. <https://doi.org/10.21274/epis.2014.9.1.139-154>
- Rohman, A., & Anam, M. (2020). Menggali 'Ibrah Pandemi Dalam Bingkai Tafsir Ishari. *Jurnal Ilmiah Spiritualis: Jurnal Pemikiran Islam Dan Tasawuf*, 6(1), 44–59.
- Rushdi Ramli. (2008). Metodologi Tafsir Al-Quran Secara Al-Isharah: Suatu Penilaian Hukum. *Jurnal Fiqh*. 217-234
- Syalabi, A. Z. (1964). *al-Tibyan Fi Ulum al-Quran*. Matba'ah al-Istiqlal al-Kubra Kaherah.
- Syatori, A. (2020). Interpretasi Sufistik dalam Al-Qur'an. *KACA (Karunia Cahaya Allah): Jurnal Dialogis Ilmu Ushuluddin*. <https://doi.org/10.36781/kaca.v10i2.3127>
- Yusoff, A. R. dan Z. H. M. (2010). Meneliti Akar Pemikiran al-Tafsir al-Ishari dan Tafsir al-

Batini. *Jurnal Analytica Islamic*, 2(2). 258-278